



Siaran

AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 3 () 04/04

PENAFIAN KAITAN TERHADAP SURAT CO-SPONSOR BAGI TABUNG KEBAJIKAN KAKITANGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

Kementerian Pertahanan ingin merujuk satu surat menggunakan kepala surat Majlis Kebangsaan Kesatuan Pekerja-Pekerja Kerajaan Malaysia bertarikh 9 April 2019 yang mengaitkan Kementerian Pertahanan dengan permohonan sumbangan kebajikan kepada kakitangan Kementerian Pertahanan.

Surat tersebut yang ditujukan kepada pemilik sebuah syarikat berkaitan pertahanan mendakwa Setiausaha Kementerian Pertahanan mengucapkan terima kasih kepada syarikat itu di atas tajaan Co-Sponsor berjumlah RM20,000.00 untuk Tabung Kebajikan Kakitangan Kementerian Pertahanan Malaysia.

Kementerian Pertahanan menafikan sekeras-kerasnya sebarang bentuk kaitan dengan surat tersebut dan ingin menegaskan bahawa pihak Kementerian ini tidak pernah mengeluarkan apa-apa surat atau kebenaran kepada pihak terbabit bagi tujuan mengutip sebarang sumbangan.

Kementerian Pertahanan meminta agar orang ramai tidak mudah mempercayai sebarang maklumat yang menggunakan nama Kementerian ini untuk sebarang tajaan atau sumbangan, sebaliknya merujuk terlebih dahulu dengan pihak Kementerian. Bersama-sama ini disertakan sekali surat tersebut sebagai rujukan.

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
24 April 2019



**MAJLIS KEBANGSAAN KESATUAN
PEKERJA-PEKERJA KERAJAAN MALAYSIA**



No. Pendaftaran 1005 (Selangor)
NO. 434, BANGUNAN KERAJAAN, JALAN HOSE, 50460 KUALA LUMPUR. TEL/ FAX: 03-2144 6161

Rujuk Kami:

Rujuk Tuan:

Tarikh : 09/04/2019

YBhg Tuan,

**PER: TERIMA KASIH DIATAS TAJAAN CO-SPONSOR BAGI TABUNG KEBAJIKAN
UNTUK KAKITANGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA SEBANYAK
=RM20,000.00**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara diatas .

Majlis Kebangsaan Kesatuan Pekerja – Pekerja Kerajaan Malaysia (MKTR) telah ditubuhkan pada tahun 1956. Majlis ini dianggotai oleh kesatuan sekerja di peringkat Persekutuan dan Negeri. Jumlah keahlian majlis dianggarkan seramai 250,000 orang Kakitangan Awam Bahagian Rendah (Kumpulan Sokongan) yang berkhidmat di pelbagai Kementerian, Jabatan Dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri – Negeri.

Sehubungan dengan ini di dalam perbualan di antara YBhg. Dato' Seri Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dengan Tuan mengucapkan ribuan terima kasih diatas sumbangan Tajaan Co-Sponsor sebanyak RM 20,000.00 bagi Tabung Kebajikan diatas ini.

Segala sokongan, sumbangan dan kerjasama serta jasa baik tuan menjayakan impian dan harapan kakitangan kerajaan amatlah disanjung tinggi

'Segala sumbangan yang berupa Cek hendaklah dipotong dan dibuat atas

nama 'Majlis Kebangsaan Kesatuan Pekerja-Pekerja Kerajaan Malaysia'.

Yours faithfully,

Sekian, Terima Kasih,
BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

